

**Khazanah Menyatakan Kemajuan dan Tadbir Urus yang Kukuh pada Mesyuarat
Lembaga Pengarah Suku Ketiga 2026**

*Perdana Menteri Hargai Pendekatan Proaktif Khazanah serta Komitmen terhadap Piawaian
Tadbir Urus dan Ketelusan yang Tinggi*

Kuala Lumpur, 20 Ogos 2026 – Khazanah Nasional telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarahnya yang ketiga bagi tahun 2026 pada hari ini, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Dalam mesyuarat tersebut, pengurusan Khazanah telah memberikan taklimat kepada Lembaga Pengarah mengenai, antara lain, usaha meningkatkan nilai pelaburannya melalui peranannya sebagai pemegang saham aktif, membina portfolio yang lebih berdaya tahan serta memperkukuh amalan tadbir urus di seluruh syarikat pelaburannya. Meskipun berdepan persekitaran makroekonomi yang mencabar, pulangan jangka panjang Khazanah terus mengatasi sasaran yang ditetapkan.

Selain itu, selaras dengan program GEAR-uP oleh Kementerian Kewangan, Khazanah kekal komited terhadap pelaburan langsung domestik berteraskan empat tonggaknya, iaitu Transformasi Syarikat, Peralihan Tenaga, Ketersambungan dan Pendigitalan. Lembaga Pengarah turut menerima perkembangan terkini mengenai usaha Khazanah dalam mencipta nilai kemasyarakatan menerusi inisiatif pembangunan kapasiti dan komuniti, seperti program K-Youth serta usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim, Pengerusi Khazanah, berkata, "Saya hargai pengurusan Khazanah atas pendekatan proaktif dan teliti serta menjunjung piawaian tadbir urus yang tinggi."

Selaras dengan piawaian tadbir urusnya, Khazanah turut membangkitkan dalam mesyuarat tersebut isu-isu legasi yang perlu diselesaikan, khususnya berkaitan Xeraya Capital, anak syarikat milik penuh Khazanah yang ditubuhkan pada tahun 2012 bagi mengurus pelaburan Khazanah dalam sektor sains hayat. Pada Julai 2026, Lembaga Pengarah Xeraya, dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan tadbir urusnya, telah mengenal pasti ketidakaturan dalam dokumentasi berkaitan urus niaga terdahulu yang memerlukan semakan lanjut.

Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, "Setelah Lembaga Pengarah dimaklumkan mengenai perkara tersebut, saya telah mengarahkan pengurusan Khazanah untuk memulakan siasatan forensik mengikut piawaian tertinggi tadbir urus dan proses sewajarnya serta, jika perlu, melibatkan pihak berkuasa yang berkaitan."

Pada akhir mesyuarat, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, "Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh Khazanah dan pasukan pengurusannya. Saya mahu menggalakkan mereka agar terus berusaha Memajukan Malaysia dengan Meningkatkan Siling dan Menaikkan Lantai, sambil Menegakkan Tadbir Urus yang Baik, selaras dengan prinsip Ekonomi MADANI."

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.khazanah.com.my. Bagi sebarang pertanyaan media, sila hubungi Regina Lee melalui talian +603 2034 0492 atau e-mel regina.lee@khazanah.com.my.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk mencipta nilai jangka panjang dan mampan melalui pelaburan berteraskan tujuan. Sebagai pelabur jangka panjang dan pemegang amanah aset negara yang bertanggungjawab, Khazanah melabur dengan berdisiplin merentasi sektor strategik dan pemangkin, di Malaysia serta di peringkat global, sambil membentuk portfolionya secara aktif bagi memperkukuh daya tahan, daya saing dan pertumbuhan masa depan negara. Selain menjana pulangan kewangan, Khazanah turut komited untuk membina keupayaan, menyokong pembangunan inklusif dan memupuk komuniti yang maju, bagi memastikan nilai yang dicipta memberi manfaat kepada Malaysia dan negara, kini dan untuk generasi akan datang. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.